

Latihan Pengukuhan

1. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- a) Malaysia ialah negara yang mengamalkan sistem (persekutuan : kesatuan).
- b) Persekutuan bermaksud beberapa buah negeri disatukan dan membentuk sebuah negara (republik : bersekutu).
- c) Negeri-negeri yang bersatu ini terletak di bawah satu struktur (perlembagaan : undang-undang)
- d) Unsur penting dalam negara Persekutuan ialah wujudnya Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan (Negeri : Tempatan).
- e) Antara kerajaan-kerajaan ini, terdapat pembahagian (kuasa : wilayah) dalam sistem pentadbirannya.
- f) Apabila negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, negara kita membentuk kerajaan Persekutuan berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu (1948 : 1957).
- g) Konsep Persekutuan negara kita diperkukuh dengan sistem (Raja : Sultan) Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.
- h) Sistem pemerintahan ini dilaksanakan berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan (Persekutuan : Republik).
- i) Jawatan (Pesuruhjaya Tinggi British : Yang di-Pertuan Agong) telah diwujudkan sebagai Ketua Persekutuan.
- j) Pada 16 September 1963, berdasarkan Perjanjian Malaysia, lahir sebuah Persekutuan yang dinamakan (Malaysia : Tanah Melayu).